



*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

# **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**19 OKTOBER 2017**

1. Kanak kanak parah kena gigit anjing; Berita Harian
2. Lepas tergolek dibaham anjing; Harian Metro

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA  
BAHAGIAN PERANCANGAN  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input checked="" type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
<b>RUANGAN : Tragedi</b>	<b>M/SURAT:</b> <input type="text" value="20"/>	<b>RUANGAN :</b>	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input checked="" type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH 2017			
19 Oktober 2017			

# Kanak-kanak parah kena gigit anjing

**➔ Mangsa diserang selepas terjatuh dari motosikal dinaiki bapa saudara**

Oleh **Mohamed Farid Noh**  
farid\_noh@bh.com.my

**Batu Pahat**

Seorang kanak-kanak berusia setahun empat bulan parah digigit anjing selepas motosikal dinaiki bersama ibunya terbabas ke sebuah rumah kedai di Taman Banang Heights, di sini, kelmarin. Kanak-kanak terbabit dibawa oleh ibunya membonceng motosikal yang ditunggang bapa saudaranya kira-kira jam 6 petang untuk pulang ke rumah mereka dari Hospital Sultanah Nora Ismail Batu Pahat.

**Motosikal terbabas elak lori**  
Ketua Polis Daerah Batu Pahat, Asisten Komisioner Abdul Wahib Musa, berkata ketika di lokasi kejadian, sebuah lori yang berhenti di bahu jalan tiba-tiba bergerak menyebabkan motosikal dinaiki mangsa hilang kawalan sebelum terbabas ke hadapan sebuah rumah kedai di situ yang ada memelihara anjing tetapi diikat.

"Akibat daripada kemalangan itu, pengadu yang juga bapa saudara mangsa berusia 17 tahun, kakak serta anak saudaranya, terjatuh sebelum seekor anjing tiba-tiba datang lalu menggigit kepala kanak-kanak itu.

"Kanak-kanak itu dikejarkan ke Hospital Sultanah Nora Ismail Batu Pahat dan baharu selesai menjalani pembedahan berikutan cedera parah di bahagian kepala dan leher serta masih ditahan di wad untuk rawatan susulan.

"Bapa saudara serta ibunya pula hanya cedera ringan," katanya.

Abdul Wahib berkata, kes budak digigit anjing itu disiasat mengikut Seksyen 289 Kanun Keseksamaan kerana cuai menyebabkan binatang peliharaan mendatangkan kecederaan.

"Jika sabit kesalahan boleh di hukum penjara maksimum enam bulan dan denda tidak lebih RM2,000 atau kedua-duanya sekali.

"Kes kemalangan pula disiasat mengikut Peraturan 10 Akta Pengangkutan Jalan LN 166/59," katanya.



**Mangsa cedera parah di kepala** selepas digigit anjing di Batu Pahat kelmarin.

(FOTO ESSA ABU YAM)

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
<b>RUANGAN : Setempat</b>	<b>M/SURAT:</b> <input type="text" value="2"/>	<b>RUANGAN :</b>	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input checked="" type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH 2017			
19 Oktober 2017			

**Ibu mangsa tidak mahu isu diperbesarkan, cuba selesaikan cara baik**

Essa Abu Yamin  
am@hmetro.com.my

**Batu Pahat**

Ibu kanak-kanak perempuan yang parah akibat digigit anjing tidak dapat melupakan detik cemas ketika mereka diserang haiwan berkenaan di Taman Banang Heights, di sini, jam 6 petang, Isnin lalu.

Noor Fazilah Ishak, 30, berkata, ketika kejadian, dia bersama anaknya, Amin Syuhadah Syahril Nizam, 2, dan seorang lagi anaknya, Ainul Safiya, 4, membongkang motosikal ditunggang adik lelakinya berusia 17 tahun.

Beliau berkata, kejadian berlaku ketika mereka mahu pulang ke rumah yang disewa berdekatan tempat kejadian sebelum motosikal dinaiki gagal dikawal lalu terbabas ketika cuba mengelak lori yang memunggah barang.

"Kami dalam perjalanan pulang dari hospital kerana menziarahi seorang lagi adik saya yang sakit dan ketika kejadian, saya memeluk Amin Syuhadah lalu terjatuh ke dalam longkang manakala adik saya dan Ainul Safiya jatuh di bahagian kaki lima premis berkenaan.

"Secara tiba-tiba anjing yang diikat di situ menerkam kami mungkin kerana haiwan itu terkejut dengan rempuhan motosikal ke pintu kedai dan terus menggigit kepala Amin Syuhadah," katanya ketika ditemui di Hospital Sultanah Nora Ismail (HISNI), semalam.

Noor Fazilah berkata, anaknya menangsang kesakitan dan meragut sekuat hati ketika anjing terabit menggigit kakinya kepalanya.



**Lepas tergolek dibaham anjing**

**Metro TV MALAYSIA**  
Untuk video lagi  
[www.hmetro.com.my/mymetrotv](http://www.hmetro.com.my/mymetrotv)

**KETUA Biro Kebajikan UMNO Bahagian Batu Pahat, Mohd Hamidi Mad Tap (kiri) menyampaikan sumbangan kepada mangsa di HISNI.**

termasuk telinga kanan sehingga darah mengalir banyaknya.

"Orang ramai juga membantu melepaskan gigitan anjing terabit sebelum anak saya dibawa ke hospital semalam (kelmarin).

"Kami juga membuat laporan polis serta merujuk kepada Jabatan Veterinar berkaitan haiwan itu dan tidak mahu isu ini diperbesarkan sedangkan ia boleh diselesaikan dengan cara baik," katanya.

Dalam rakaman kamera litar tertutup (CCTV) berdurasi 1.29 saat di tempat kejadian, anjing berkenaan yang diikat di tiang...

terabit selepas motosikal mereka terbabas dan merempuh pintu kedai.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Batu Pahat, Asisten Komisyoner Abdul Wahid Musa ketika dihubungi menegaskan kejadian berkenaan dan meminta pihak berkuasa tempatan melakukan pemantauan terhadap anjing liar mahupun anjing peliharaan yang dibiarkan ditempat awam.

"Kes berkenaan disiasat di bawah Rule 10 LN 166/59 manakala kes kanak-kanak digigit anjing disiasat dibawah Seksyen 289 Kanun Keseksaan kerana cuai menyebabkan binatang peliharaan mendatangkan kecederaan.

"Jika disabit kesalahan boleh dihukum penjara maksimum enam bulan dan denda tidak lebih RM2,000 atau ke-



**KEADAAN Amin Syuhadah yang parah di kepala akibat digigit anjing.**

**"Anjing yang diikat di situ menerkam kami mungkin kerana terkejut Noor Fazilah"**